

**UCAPAN KETUA HAKIM NEGARA PADA MAJLIS
PENYAMPAIAN SURATCARA PELANTIKAN DAN
ANGKAT SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA
PESURUHJAYA KEHAKIMAN PADA 28.11.2019**

YAA Tan Sri Dato Sri Azhar bin Mohamed,
Hakim Besar Malaya;

YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah,
Hakim Besar Sabah & Sarawak;

YA Dato' Rohana binti Yusuf,
Hakim Mahkamah Persekutuan menjalankan kuasa-
kuasa dan tugas-tugas Presiden Mahkamah Rayuan;

YA Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan
Mahkamah Rayuan;

Yg Berbahagia Dato' Mah Weng Kwai dan Yg Bhg Prof.
Emeritus Datuk Dr. Haji Shad Saleem Faruqi,
Ahli-ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;

Yg Berbahagia Datuk Abdul Fareed Abdul Gafoor,
Presiden Majlis Peguam Malaysia;

Yg Berusaha Tuan Ahmad Terriruddin Mohd Salleh,
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia;

Yg Berusaha Encik Qalam Zainuddin Sani,
Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman,

Para tetamu, pegawai-pegawai kehakiman, wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

[1] Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua dapat kita sama-sama hadir di majlis Penyampaian Suratcara Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia Pesuruhjaya Kehakiman.

[2] Bagi pihak Badan Kehakiman, saya menjunjung kasih atas limpah perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustain Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah atas pelantikan –

YA Datuk Aslam bin Zainuddin;

YA Dato' Norsharidah binti Awang;

YA Dato' Julie Lack;

YA Dato' Frederick Indran XA Nicholas;

YA Tuan Wong Siong Tung;

YA Tuan Khairil Azmi bin Haji Mohamed Hasbie;

YA Tuan Leonard David Shim;

YA Tuan Nadzarin bin Wok Nordin;

YA Tuan George Varughese;

YA Tuan Quay Chew Soon;

YA Tuan Wong Hok Chong;

YA Tuan Atan Mustaffa Yussof Ahmad; dan

YA Tuan Anand Ponnudurai

sebagai Pesuruhjaya Kehakiman.

[3] Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad,

kerana telah menerima cadangan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman berkaitan dengan pelantikan ini.

[4] Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Badan Kehakiman ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada YA-YA atas pelantikan ini. Saya percaya pelantikan ini merupakan satu detik bersejarah dalam kerjaya YA-YA dan juga merupakan satu kebanggaan kepada keluarga YA-YA.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

[5] Pemilihan Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik pada petang ini telah dibuat oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman melalui satu proses yang adil dan telus yang mana keputusan adalah secara kolektif oleh anggota-anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

[6] Di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009, dalam memilih calon sebagai hakim mahkamah atasan, yang termasuk Pesuruhjaya Kehakiman, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman hendaklah mengambil kira antara lain, kriteria yang berikut:

- (a) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
- (c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam bidang penulisan undang-undang;
- (d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (e) kesihatan fizikal dan mental.

[7] Tentu sekali, untuk pemilihan ke jawatan Pesuruhjaya Kehakiman, Suruhanjaya tidak dapat menilai kebolehan calon untuk bersikap objektif, adil dan tidak berat sebelah dalam membicarakan dan

memutuskan kes-kes dan juga tidak dapat menilai sama ada calon-calon mempunyai kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes-kes dengan baik atau sama ada calon-calon berkebolehan untuk membuat penghakiman tepat pada masanya. Ini kerana calon-calon tidak atau belum lagi mempunyai pengalaman tersebut. Namun, Suruhanjaya boleh dan telah membuat penilaian tentang integriti, kompetensi dan pengalaman calon-calon secara amnya.

YAA-YAA, YA-YA, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

[8] Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman adalah termaktub di bawah perkara 122AB Perlembagaan Persekutuan. Tentunya peruntukan ini digubal berdasarkan rasional yang kukuh. Apa pun, yang pasti, pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman di bawah peruntukan Perkara 122AB telah lama diamalkan dan dilaksanakan dan tidak dapat dinafikan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman yang mempunyai bidangkuasa, tugas dan

tanggungjawab yang sama dengan Hakim Mahkamah Tinggi mampu dan telah memberi sumbangan yang besar dalam melupuskan kes-kes dan mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian keadilan di Malaysia.

[9] Saya sedar, ada sesetengah pihak menyatakan kebimbangan bahawa pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman untuk tempoh masa tertentu menjadi “a test of loyalty before the government decides on whether the person appointed deserves permanent appointment as a fully-fledged judge with tenure” dan berpendapat bahawa pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman boleh menghakis keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi Badan Kehakiman.

[10] Ingin saya tegaskan di sini bahawa isu *loyalty* atau kesetiaan kepada sesiapa pun, tidak timbul. Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman telah membuat ketetapan bahawa pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman adalah untuk tempoh dua (2) tahun dan pengesahan atau pelantikan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi selepas itu, akan dibuat

berdasarkan prestasi seseorang Pesuruhjaya Kehakiman. Prestasi yang dimaksudkan antara lain, ialah kebolehan dalam menguruskan dan melupuskan kes-kes, mempunyai sikap kehakiman (judicial temperament) yang baik dan telah menghasilkan alasan penghakiman yang berkualiti. Mana-mana Pesuruhjaya Kehakiman yang gagal mencapai prestasi mengikut kriteria yang ditetapkan, tidak akan disambung perkhidmatan selepas tempoh dua tahun.

[11] Saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan YA-YA bahawa dalam memutuskan kes-kes, tidak ada sesiapa pun yang boleh mengarahkan atau mempengaruhi YA-YA untuk membuat keputusan yang tertentu. Tugas membuat keputusan terletak sepenuhnya di tangan YA-YA. Keputusan hendaklah dibuat berdasarkan keterangan yang ada, tanpa berat sebelah, bebas dari tekanan dalaman dan luaran. Ini termasuklah tekanan daripada pihak atasan, media, mana-mana individu atau hakim yang lain.

[12] Ingin juga saya tekankan di sini bahawa dalam konteks YA-YA memutuskan kes-kes, saya, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak bukanlah seorang ketua, seperti lazimnya seorang ketua di sesebuah agensi atau jabatan yang boleh memberi sebarang arahan kepada pegawai atau kakitangan bawahan, tetapi kami hanyalah 'the first among the equals' dalam hirarki Badan Kehakiman. Justeru, tidak timbul soal Pesuruhjaya Kehakiman perlu menunjukkan kesetiaan kepada ketua, jauh sekali kepada pihak kerajaan sebelum boleh dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Kesetiaan yang diharapkan daripada YA-YA hanyalah kesetiaan untuk mempertahankan prinsip pengasingan kuasa (separation of powers) antara tiga (3) organ kerajaan, untuk mendukung kebebasan Badan Kehakiman dan paling penting, untuk mendukung dan mempertahankan kedaulatan undang-undang. Dengan kata lain, dalam melaksanakan tugas-tugas kehakiman, YA-YA hanya perlu setia kepada prinsip undang-undang.

[13] Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi tahniah kepada YA-YA dan saya yakin YA-YA mampu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman dengan baik.

Terima kasih.